

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan sejauh mana kajian perancangan jangka panjang Kerajaan untuk menyelesaikan masalah hakisan pantai di sepanjang pantai Kemaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memantau isu hakisan yang dialami di Terengganu termasuk kawasan pesisir pantai daerah Kemaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan hakisan yang kritikal di daerah Kemaman adalah di Pantai Kemasik dan pantai di kawasan Kampung Tanjung Geliga.
2. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengambil inisiatif pelaksanaan jangka pendek bagi mengatasi masalah hakisan di kawasan pantai Kemasik melalui Kerja-kerja Kecemasan Pengawasan Hakisan Pantai Kemasik yang telah siap pada tahun 2014 bagi perlindungan sepanjang 400m. Bagi penyelesaian jangka panjang, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan memohon peruntukan bagi kawasan-kawasan hakisan kritikal di daerah Kemaman dalam *Rolling Plan* (RP) berikutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk melanjutkan penangguhan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CHKT) atau sekurang-kurangnya menurunkan peratusannya pada tahun hadapan berikutan pasaran harta tanah negara masih berada dalam fasa pemulihan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan di dalam Bajet 2022 telah mengumumkan bahawa pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat harta tanah yang dibuat oleh individu warganegara dan pemastautin tetap serta selain syarikat pada tahun ke-enam dan seterusnya tidak dikenakan Cukai Keuntungan Harta Tanah mulai 1 Januari 2022. Layanan ini bertujuan bagi membantu meringankan beban kewangan pelupus dalam kategori ini yang dilihat terkesan dengan impak pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak tahun lepas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID (KEMAMAN)

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID (KEMAMAN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana penguatkuasaan pengasingan sisa pepejal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 akan diperkasa semula di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah menguatkuasa Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (SAS) bermula pada 1 Jun 2016. SAS telah dilaksanakan secara serentak di tujuh (7) buah negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis melibatkan 53 buah kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bilangan premis yang terlibat adalah sebanyak 3,455,203 premis bertanah.

KPKT sentiasa komited dalam memperkasa tindakan penguatkuasaan SAS walaupun dalam situasi pandemik COVID-19. Bermula 1 Jun 2016 sehingga kini, sejumlah 16,522 operasi

penguatkuasaan SAS bagi premis bertanah telah dilaksanakan melibatkan 24,247 taman perumahan dan 1,244,316 bilangan premis bertanah. Hasil operasi yang telah dijalankan, sebanyak 620 Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK) bersamaan dengan 0.05 peratus telah dikeluarkan kepada isi rumah yang gagal mengasingkan sisa pepejal dan 340 kompaun dikeluarkan dengan nilai sebanyak RM17,000.

Antara inisiatif lain yang telah dan sedang dilaksanakan oleh SWCorp dalam memperkasa SAS adalah seperti berikut:

a) Menjalankan Libat Urus (Engagement) Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca

Sesi libat urus SAS adalah kempen kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan melaksanakan pengasingan sisa pepejal dan ianya merupakan inisiatif tambahan yang dilaksanakan oleh SWCorp dalam memperkasakan pengasingan sisa pepejal supaya orang awam mampu melaksanakan pengasingan sisa pepejal dengan baik. Pada tahun 2019 sehingga Ogos 2021, **sebanyak 705,172** sesi libat urus telah dijalankan kepada isi rumah oleh penguat kuasa SWCorp dengan memberikan risalah dan penerangan dari semasa ke semasa tentang SAS.

b) Menjalankan Promosi dan Hebahan SAS di Media

SWCorp turut memperluaskan promosi dan hebahan kempen SAS di media termasuk media elektronik, media cetak dan media sosial secara berterusan. Sebanyak 4,451 kempen dan hebahan SAS telah dijalankan bagi tempoh Januari 2016 sehingga Ogos 2021. Orang awam boleh melayari dan mengikuti *Facebook* SWCorp (swcorpMY) bagi mengetahui kempen, promosi dan aktiviti SAS dan program kesedaran yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

